



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/10/2019	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

RINGKAS

Dua gajah betina dipindahkan



KERJA menaikkan kedua-dua gajah betina ke atas lori.

Kluang: Dua gajah betina yang sering membuat onar di beberapa ladang kelapa sawit serta penempatan penduduk di sekitar daerah ini dipindahkan ke kawasan Hutan Simpan Endau Rompin, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Salman Saaban berkata, kedua-dua gajah liar berusia lima dan enam tahun itu di tangkap pada 1.15 dan 1.30 tengah hari Sabtu lalu dipercayai dari Tenggara.

Katanya, gajah berkenaan dikesan sering menimbulkan konflik dengan manusia di sekitar kawasan Kampung Ilham, Sri Timur, Shaari, Taman Sri Impian, Felda Kahang Timur, Kahang Barat, Felda Ulu Denga dan kawasan sekitarnya.